

PDIM jangka deposit dilindungi meningkat 10%

KUALA LUMPUR 12 Nov. – Jumlah deposit milik orang ramai di dalam 59 buah bank tempatan yang dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dijangka meningkat lebih 10 peratus setahun.

Kini, jumlah deposit yang dilindungi PIDM berjumlah RM940 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jean Pierre Sabourin berkata, perangkaan itu juga adalah bersandarkan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa PIDM akan melindungi sepenuhnya deposit penyimpan untuk tempoh selama dua tahun iaitu sehingga 31 Disember 2010.

PIDM juga akan menjalankan kajian untuk melanjutkan tempoh perlindungan terhadap setiap deposit penyimpan selepas tempoh itu.

Katanya, pihaknya akan membuat kajian berkenaan bagi menentukan rasional jumlah deposit yang dilindungi sebanyak RM60,000 bagi setiap deposit penyimpan sebelum ini.

Beliau berkata, pada tahun lalu jumlah yang dilindungi adalah RM179 bilion, namun, ia berdasarkan perlindungan sehingga RM60,000 bagi setiap pendeposit.

"Langkah Bank Negara Malaysia melindungi pendeposit amat baik kerana ia memberikan keyakinan kepada para pendeposit selain merangsang pertumbuhan industri perbankan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyam-

paikan hadiah kepada para pemenang pertandingan 'PIDM dan Anda' di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis ialah Pengurus Besar, Komunikasi dan Bahagian Perhubungan Awam PIDM, S. Loganathan.

Pemenang utama pertandingan itu ialah Norpisah Abdul Manap, 61, yang berjaya memenangi hadiah wang tunai RM25,000.

Seramai 25 peserta lain dari seluruh negara turut memenangi hadiah berjumlah RM500 hingga RM2,000 setiap orang.

Peraduan berkenaan berlangsung dari 14 Julai hingga 31 Ogos lalu.

Peraduan itu meminta orang ramai menjawab empat soalan aneka pilihan mengenai insurans deposit dan menghantar penyertaan mereka menerusi pelbagai cara termasuk melalui khidmat pesanan ringkas dan internet.

Sabourin berkata, peraduan itu berjaya menarik penyertaan berjumlah 25,000 daripada 1.7 juta pelanggan PDIM.

Ditanya tentang kedudukan semasa industri perbankan, Sabourin berkata, industri mampu terus berkembang dan menunjukkan perkembangan positif walaupun ekonomi dunia tidak menentu.

Beliau juga melihat modal yang ditadbir oleh setiap institusi perbankan masih baik.

"Saya menjangkakan industri perbankan di negara ini mampu mengalami pertumbuhan dengan lebih baik pada tahun depan," kata beliau.



JEAN PIERRE SABOURIN (tengah) menunjukkan replika cek pemenang utama, **Norpisah Abdul Manap** (dua dari kanan) sambil diperhatikan **S. Loganathan** (kiri) dan para pemenang pertandingan PDIM dan Anda di Kuala Lumpur, semalam.